PENAFIAN

## Penafian

Universiti Teknologi Mara (UITM) telah membuat segala usaha untuk menghasilkan aplikasi mudah alih ini dan menyampaikan maklumat yang terkini dan tepat. Aplikasi ini disediakan untuk tujuan maklumat sahaja, ianya adalah berdasarkan maklumat umum yang disediakan oleh pihak ketiga. Semua maklumat yang dipaparkan dalam talian oleh UiTM tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

UiTM tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan atau kerosakan akibat capaian kepada sumber-sumber internet atau penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya. Aplikasi ini mungkin akan mengalami gangguan capaian semasa menjalani proses pengemaskinian. UITM tidak dapat memberi jaminan bahawa maklumat mengenai aplikasi ini tepat atau lengkap dan dikemukakan sebagai fakta atau sebarang jaminan jenis maklumat samada nyata atau tersirat, mengenai pelantar operasi atau maklumat, kandungan atau butiran yang didedahkan di aplikasi ini. Pengguna mesti menyemak fakta-fakta apabila ingin menggunakannya dalam aplikasi lain.

Sebagaimana yang diperuntukkan secara nyata atau seperti yang dianggap oleh undang -undang, liabiliti UITM yang timbul daripada penggunaan aplikasi ini adalah dikecualikan secara khusus dan penafian UITM pada semua jaminan dan sebarang liabiliti untuk ganti rugi sama ada dalam kontrak, sebarang kesalahan sivil dan ianya bukan kesalahan jenayah di bawah undang -undang atau sebaliknya untuk sebarang kecederaan, kerosakan atau kerugian.

Tidak ada pergantungan yang harus diletakkan pada maklumat yang terkandung atau tersirat atau disimpulkan dari aplikasi mudah alih ini tanpa menyemak butiran dengan pegawai yang bertauliah dari UITM. Maklumat yang diberikan adalah tidak menggantikan penilaian fizikal sebagai seorang perawat pergigian.

## Hak cipta dan harta intelek

Dokumentasi, teks elektronik, dan fail imej, suntingan audio dan video, dan bahan - bahan lain dilindungi oleh Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997. UITM mengekalkan semua hak, termasuk hak cipta dalam data, imej, teks dan maklumat lain yang terkandung di pelantar aplikasi.

Jika maklumat atau bahan digunakan untuk sebarang tujuan, anda mesti mendapatkan kebenaran daripada UITM untuk menggunakan bahan berhak cipta sebelum penggunaannya.

## Kontrak

Laman ini hanya boleh digunakan untuk tujuan yang sah dan UITM berhak untuk menangani atau menolak untuk berurusan dengan mana -mana pengguna. Tiada kontrak akan dibuat atau dianggap dimasukkan bersekali kecuali disahkan secara bertulis oleh UITM.

Akses yang tidak dibenarkan dilarang oleh Akta Jenayah Komputer 1997, dan boleh mengakibatkan prosiding pentadbiran, tatatertib atau jenayah.